

25/07/1999

Barisan mahu menang majoriti besar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Parlimen akan dibubarkan apabila kerajaan yakin mendapat kemenangan besar bagi memastikan kestabilan dinikmati negara sekarang berterusan.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) yakin tidak menghadapi masalah untuk mencatat kemenangan sekiranya pilihan raya diadakan dalam tempoh terdekat ini, tetapi kejayaan besar adalah penting bagi mengekalkan kestabilan negara.

"Sokongan rakyat sekarang sangat bagus tetapi kita mahu menang dengan majoriti besar.

"Kita mengkehendaki keputusan itu bukan kerana ingin hendak mengubah Perlembagaan, kemenangan dua pertiga boleh mengubahnya. Tetapi majoriti besar adalah perlu dalam usaha untuk memastikan sokongan padu terhadap kerajaan dan kestabilan negara ini.

"Majoriti kecil hanya akan menjadi ancaman kepada kerajaan, malah jika sebilangan kecil penduduk tidak puas hati mereka boleh bertindak dan kerajaan akan tumbang... jadi kita tidak mahu ia berlaku," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan, di sini, semalam.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir sekali lagi mengulangi, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Kolej dan Universiti kerana akta berkenaan dibentuk bagi kebaikan masa depan pelajar terutama Bumiputera.

Justeru beliau meminta golongan pelajar institusi pengajian tinggi supaya berfikiran lebih waras sesuai dengan taraf mereka sebagai cerdik pandai masyarakat untuk menilai keadaan yang sebenarnya berlaku.

"Kini saya dapati pelajar itu membenci kerajaan tanpa sebab, (jika) mereka membenci saya mungkin relevan tetapi membenci kerajaan tanpa sebab... maka itu kita harus perbetulkan," katanya.

Menurutnya, pembangkang seperti Pas memang sudah merangka strategi untuk mempengaruhi rakyat sejak dari tadika lagi sehinggalah ke universiti, termasuk mempengaruhi pelajar yang ke luar negara.

"Ini terbukti apabila ramai pelajar di luar negara masuk Majlis Revolusi Islam dan ditanam kebencian kepada pihak pemerintah. Walaupun mereka mendapat pertolongan daripada kerajaan, tetapi apabila balik, itu saja yang mereka fikirkan... menentang pemerintah.

"Kerana itu sekarang apabila ada pelajar yang kita dapati menyokong Pas dan bila kita hendak tahu mengapa menyokong parti lawan... mereka tiada jawapan," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima tepukan gemuruh daripada ahli Gerakan berikutan kejayaan beliau memimpin Malaysia keluar daripada kegawatan ekonomi yang paling serius sejak negara ini merdeka pada 1957.

Serentak dengan itu kira-kira 1,000 ahli parti itu dengan diketuai oleh presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berikrar untuk bersatu teguh di belakang Perdana Menteri bagi menghadapi sebarang cabaran pada masa depan.

"Kami juga berikrar untuk bekerja keras bagi menjamin kemenangan besar untuk Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Dr Mahathir dalam pilihan raya akan datang," katanya yang turut berikrar untuk memberi kerjasama yang sama kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut hadir.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Perwakilan Gerakan ke-28, di ibu pejabat parti itu, semalam.

Turut hadir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik;

timbalannya, Datuk Lim Ah Lek; dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Lim yang mengulas panjang lebar mengenai krisis ekonomi yang melanda negara ini sejak pertengahan 1997, berkata desakan Dr Mahathir supaya mengkaji semula sistem kewangan antarabangsa yang mulanya menerima bantahan yang serius kini mula mendapat sokongan banyak institusi kewangan antarabangsa termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kini ada tanda-tanda keadaan akan bertambah baik. Ini sebahagian besarnya adalah disebabkan kepemimpinan berani lagi inovatif Perdana Menteri kita yang walaupun terdapat serangan berbisa dan menjelikkan terhadap pengurusan beliau dalam menangani hal ehwal negara, tetap tidak berganjak malahan terus melakukannya," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengingatkan, rakyat tidak harus mengambil ringan amaran yang diberi kerajaan selama ini kerana ia bukan satu taktik politik, sebaliknya adalah untuk memastikan malapetaka yang pernah menimpa negara lain tidak akan dialami negara ini.

Beliau berkata, anggapan rakyat bahawa apa yang berlaku di negara lain tidak akan berlaku di negara ini tidak boleh dibiarkan begitu saja, kerana huru hara mungkin tercetus sekiranya pembangkang yang ternyata bertentangan pendapat dibenar mengambil alih pemerintahan negara.

(END)